


# PELBAGAI ACARA DI PELANCARAN BULAN BAHASA 9 SEPT 2017 TAMAN WARISAN MELAYU

## GALERI TETAP TAMAN WARISAN MELAYU

11 pagi

**LEGENDA DAN CERITA DONGENG  
OLEH NEK SELAMPIT  
DIIRINGI GAMELAN OLEH  
BRONZAGE GAMELAN  
DISAMPAIKAN OLEH DUTA BAHASA,  
JUMAINI ARIFF**

Dengarkan pencerita dan Duta Bahasa yang baru dilantik, Jumaini Ariff, yang akan menyampaikan legenda dan dongeng dalam gaya unik, meriah dan interaktif diiringi muzik BronzAge Gamelan. Para penonton juga berpeluang bertemu pemain muzik selepas persembahan.



## AUDITORIUM TAMAN WARISAN MELAYU

3 petang

**DRAMA HIKAYAT MALIM  
DEWA OLEH TEATRO**

Sertai Teatro dalam persembahan Hikayat Malim Dewa, cerita rakyat tradisional berdasarkan kisah Malim Dewa, anak Tuan Puteri Lindungan Bulan – seorang jejaka yang mengagumkan dan cerdas, yang pernah memerintah Bandar Muar.



3 petang

**JUARA SI CILIK OLEH  
NUSANTARA WORLD  
MUSIC**

Ikuti persembahan lagu-lagu rakyat Melayu tradisional secara kreatif oleh kanak-kanak daripada Juara Si Cilik, pertandingan nyanyian kanak-kanak.



## BUSSORAH STREET, KAMPONG GELAM

2 petang

**DIARIKU - JEJAK  
TARIAN OLEH SRIWANA**

Sertai Pak Man, warga emas sebuah kampung, yang akan membawa para peserta kembali ke masa silam dengan beliau memperkenalkan jalan-jalan di Kampong Glam, berkongsi tentang pelbagai pekerjaan yang dilakukan oleh kawan-kawannya dan menerangkan bagaimana pakaian mencerminkan pelbagai masyarakat di Kampong Glam.

3 petang

**TARIAN PIRING - OLEH  
ERA DANCE**

Tonton tarian Melayu tradisional, Tarian Piring, oleh Era Dance di Bussorah Street. Belajar tentang bentuk tarian dan pada masa yang sama cuba beberapa gerakan tarian.

## HALAMAN TAMAN WARISAN MELAYU

Sepanjang hari mulai 11 pagi

**GERAI KEGIATAN OLEH  
SEKOLAH-SEKOLAH**

Uji pengetahuan anda mengenai bahasa, budaya dan warisan melalui aktiviti interaktif di pelbagai gerai yang dikendalikan oleh pelajar dari Sekolah Menengah Orchid Park, Sekolah Rendah Admiralty dan Sekolah Menengah Yusof Ishak.



Dari 11 pagi hingga 5 petang

**GERAI AKTIVITI OLEH  
RAKAN KONGSI  
MASYARAKAT**

Teroka gerai kegiatan yang dibentangkan pelbagai rakan masyarakat. Sertai lukisan batik dengan HazWorkz Design, membuat kraf ilham artifak yang terdapat di muzium dengan Taman Warisan Melayu, cabar rakan anda bermain permainan dengan Nadim Games LLP dan belajar lebih lanjut tentang silat daripada Perguruan Seni Silat Gayong Singapura.

## GALERI TETAP, TAMAN WARISAN MELAYU

Sepanjang hari mulai 11 pagi

**JELAJAH MUZIUM BERSAMA RAKAN BAHASA**

Sertai kembara maklumat bersama pelajar yang dilantik sebagai rakan bahasa yang akan berkongsi cerita dan kepentingan di sebalik banyak artifak di muzium. Semua Rakan Bahasa akan mengendalikan lawatan itu dalam bahasa Melayu. Terdapat versi bahasa Inggeris untuk pelawat lain.